

Keadaan ban di Tebuk Mendeling
yang pecah akibat fenomena air pasang
besar, semalam.



Dua ban pecah di Sabak Bernam

Sabak Bernam: Ban di Tebuk Mendeling di sini, runtuh sepanjang 80 meter berikutan fenomena air pasang besar yang berlaku petang kelmarin dan awal pagi semalam.

Komander Operasi Pengurusan Banjir Daerah Sabak Bernam, Superintendan Nor Azmi Isa, berkata walaupun berlaku runtuhannya ban dan limpahan air laut, ia tidak menjejaskan kawasan penempatan penduduk.

“Selain Ban Tebuk Mendeling, Ban Sungai Air Tawar turut pecah menyebabkan air memenuhi parit dan tanah kosong bersebelahan parit berkenaan.

“Bagaimanapun, keadaan terawal kerana tindakan awal JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) mengepam dan mengosong parit dapat menampung air laut yang melimpah masuk,” katanya.

Pam air laut elak banjir

Nor Azmi berkata, pam banjir JPS beroperasi lancar sepanjang air pasang sehingga pintu air Tebuk Mendeling dibuka bagi mengepam keluar air laut yang melimpah ke daratan.

“JPS sedang membuat pemantauan dan kerja penambakan semula tidak dapat dibuat kerana tanah di kawasan kejadian masih lembut ditambah dengan cuaca sekarang yang sering hujan.

“JPS telah memasang pam air bagi menyalurkan air keluar dari kawasan PPRT (Projek Perumahan Rakyat Termiskin) Sungai Tengar,” katanya.

Sementara itu, tiga rumah di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Sungai Tengar Utara di sini, digenangi air sedalam 0.3 meter kira-kira jam 7 pagi itu sebelum beransur surut dua jam kemudian.

Penghuni rumah itu, Nazeri Bisri, 67, berkata dia sekeluarga cemas apabila air melimpah hingga memasuki rumahnya hingga mencecah paras buku lali.

“Kalau air terus naik, barang dalam rumah saya sudah tentu rosak seperti berlaku lebih 10 tahun lalu,” katanya.

Sedia hadapi pelbagai kemungkinan

Di Johor, kawasan terjejas adalah di laluan keluar Hospital Sultanah Aminah (HSA) berhampiran Dataran Majlis Bandar Raya Johor Bahru (MBJB) yang dinaiki air selama sejam sejak jam 10 pagi, selain di Pontian dan Batu Pahat.

Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab Han Ramin, berkata pihaknya bersiap sedia menghadapi kemungkinan banjir selepas hujan berterusan sejak pagi.

“Hujan dan angin kencang di kawasan Pantai Barat Johor terutama pesisiran pantai daerah ini masih berterusan dan jika ia tidak berhenti, kawasan rendah di sini dijangka dinaiki air banjir kilat,” katanya.

Di Kota Bharu, fenomena air pasang besar yang bermula semalam, menimbulkan kebimbangan kepada penduduk di Kampung Pantai Kundur, Kuala Besar di sini.

Di Butterworth, penduduk Kampung Manis di Prai di sini, sudah melakukan persediaan awal untuk menghadapi fenomena air pasang besar yang dijangka akan menyebabkan 25 rumah di kampung berkenaan terjejas.

Tinjauan mendapati kebanyakan penduduk mula menyelamatkan barangan rumah seperti perabot dan peralatan elektrik dengan meletakkannya ke tempat yang lebih tinggi.